

TANGGUNGJAWAB PESERTA SKIM MAFAS

Peserta Skim adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Skim MAFAS. Berikut adalah senarai tanggungjawab peserta Skim MAFAS:

- i. Melaksanakan rawatan pewasapan yang berkualiti dan mengikut prosedur yang ditetapkan terhadap WPM/komoditi bagi membunuh perosak. Rawatan yang dijalankan perlu berkesan ke atas WPM/komoditi dan selamat kepada operator/ operator pewasapan berlesen/ pekerja/ orang ramai;
- ii. Memegang dan memelihara amanah yang diberi oleh Jabatan Pertanian supaya melaksanakan kerja pewasapan dengan betul dan berkesan sekaligus menjaga kredibiliti syarikat, Jabatan Pertanian dan Negara;
- iii. Memastikan kerja pewasapan dilaksanakan dengan mematuhi Undang-undang, Peraturan – Peraturan yang sedang berkuat kuasa di Malaysia, khususnya di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [Akta 149] dan Akta Pewasapan Hidrogen Sianida 1953 [Akta 260], serta mematuhi arahan keselamatan, mempunyai lesen operator pewasapan dan lesen yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau badan-badan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- iv. Menjalankan kerja pewasapan dengan mengikut panduan di dalam *International Standard of Phytosanitary Measures* (ISPM) No 15 dan 43, serta garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia seperti di dalam Standard Malaysia MS 2546:2013, *Methyl Bromide Fumigation – Requirements*;
- v. Memastikan hanya operator pewasapan berlesen dan/ atau operator terlatih sahaja boleh melaksanakan kerja - kerja pewasapan;
- vi. Operator pewasapan berlesen/ operator terlatih yang melaksanakan pewasapan ini mestilah berkemahiran dan kompeten dalam melakukan praktikal iaitu pemilihan dan penyediaan tapak, struktur, memasang enclosure, mengesan kebocoran, mengira isipadu enclosure, mengira dosej, mengukur kepekatan gas,

- penambahan gas, ventilasi dan mengukur TLV sebelum konsainan diakui selamat dan diserahkan kepada pemilik untuk di eksport;
- vii. Menyediakan tenaga kerja, fasiliti dan peralatan yang mencukupi. Peralatan yang disediakan perlulah berfungsi dengan baik dan dikalibrasi;
 - viii. Membuat permohonan pembaharuan akreditasi dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tamat tempoh dengan mengisi MAFAS 1;
 - ix. Memberi kerjasama kepada Jabatan Pertanian semasa pengauditan atau penyiasatan sekiranya terdapat apa-apa notifikasi, laporan atau keraguan berhubung dengan rawatan pewasapan yang telah dijalankan;
 - x. Semasa pengauditan dijalankan, peserta perlu bersedia dengan dokumen dan peralatan yang lengkap serta apa - apa keperluan lain yang ditetapkan oleh urus setia atau juruaudit yang ditugaskan untuk audit tersebut ;
 - xi. Membuat permohonan nombor kawalan MAFAS sebelum menjalankan kerja pewasapan dengan mengisi Borang Permohonan Nombor Kawalan (MAFAS 3). MAFAS 3;
 - xii. Peserta Skim MAFAS adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penggunaan nombor kawalan yang telah diberikan secara kuota oleh urus setia Skim kepada peserta. Peserta perlu memastikan nombor kawalan tidak disalah guna bagi mengelakkan berlaku penipuan atau penggunaan nombor kawalan secara tidak sah. Nombor kawalan perlu dipohon apabila nombor kawalan dalam simpanan peserta Skim MAFAS berbaki 20 % daripada keseluruhan kuota;
 - xiii. Mematuhi penggunaan dan ISPM 15 *marking*. Nombor kawalan perlu dicop diluar logo ISPM 15 *marking* bagi mengelakkan masalah kepada konsainan yang dieksport.
 - xiv. Mengisi dan menghantar Borang Pemberitahuan Kerja Pewasapan (MAFAS 4)

kepada Pejabat Biosekuriti Tumbuhan yang berhampiran dengan lokasi pewasapan dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam sebelum pewasapan dilaksanakan. Peserta perlu memaklumkan dengan segera jika terdapat perubahan atau pembatalan kerja - kerja pewasapan kepada Pejabat Biosekuriti Tumbuhan tersebut dalam tempoh dua (2) jam sebelum pewasapan dilaksanakan;

- xv. Mengisi dan menghantar Laporan Bulanan Rawatan Pewasapan (MAFAS 6). MAFAS 6 adalah merupakan laporan bulanan yang perlu diisi dan dihantar kepada urus setia skim dan Pejabat Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Negeri berkenaan sebelum atau pada 15 hari bulan setiap bulan. Setiap pelaksanaan kerja - kerja pewasapan yang dijalankan oleh syarikat mestilah direkodkan di borang ini mengikut turutan nombor kawalan syarikat masing-masing. Jika kerja-kerja pewasapan telah dibatalkan maka pihak syarikat hendaklah merekodkan nombor kawalan yang dikeluarkan untuk kerja - kerja rawatan tersebut dibatalkan; dan
- xvi. Mengurus dan menyimpan salinan rekod seperti MAFAS 3, MAFAS 4, MAFAS 5 dan MAFAS 6 dalam tempoh lima (5) tahun kerana rekod akan diperiksa semasa kerja-kerja pengauditan yang akan dilakukan oleh juruaudit dari Jabatan Pertanian.